

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN PENYERAHAN PROJEK JALAN DAN JAMBATAN DARI KG, LABU MELALUI KG. BATU BALAK, JERANTUT KE KG. GEMUNCHUR DAN KG MELA, KUALA LIPIS, PAHANG

PADA:

23 OKTOBER 2025 (KHAMIS)

11.00 PAGI

LOKASI:

TAPAK PROJEK, LIPIS, PAHANG

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.
Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Jalan ini bukan sekadar sambungan fizikal, tetapi nadi kehidupan — *connectivity of life* yang menghubungkan komuniti, mempercepatkan nadi ekonomi, dan mendekatkan hati rakyat dengan Kerajaan. Ia membawa mesej besar bahawa tiada satu pun kampung akan dibiarkan terpinggir daripada arus pembangunan negara.

2. Jalan raya bukan hanya terdiri daripada batu, pasir dan tar, tetapi lorong harapan yang dilalui setiap hari oleh petani ke ladang, oleh anak ke sekolah, oleh ibu bapa ke tempat kerja, dan oleh rakyat menuju impian mereka. **Setiap inci jalan ini adalah saksi kepada perjuangan dan harapan masyarakat desa yang sentiasa ingin maju seiring dengan pembangunan negara.**

3. Setiap kilometer jalan yang dibina mencerminkan kasih sayang Kerajaan kepada rakyatnya - memastikan tiada

siapa yang terpinggir, walau sejauh mana pun mereka berada.

4. Maka, apabila kita berkumpul hari ini untuk menyempurnakan **Majlis Perasmian Penyerahan Projek Jalan Luar Bandar KKDW yang melibatkan laluan dari Kg. Labu melalui Kg. Batu Balak, Jerantut ke Kg. Gemunchur dan Kg. Mela, Kuala Lipis** — sebagai manifestasi usaha dan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan rakyat desa terus menikmati kemajuan yang seimbang serta merapatkan jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar.

KEJAYAAN PROJEK JALB DI DAERAH LIPIS DAN NEGERI PAHANG

Hadirin sekalian,

5. KKDW sentiasa memberi tumpuan utama kepada pembangunan kawasan dan masyarakat desa — bukan sahaja dari segi infrastruktur, **tetapi dalam pada masa yang sama dalam memperkukuh ekonomi dan kesejahteraan** rakyat. Setiap projek yang dilaksanakan disusun secara berstruktur agar impaknya benar-benar dirasai oleh masyarakat di akar umbi.

6. Projek **Jalan dan Jambatan dari Kg. Labu melalui Kg. Batu Balak, Jerantut ke Kg. Gemunchur dan Kg. Mela** ini merupakan satu lagi bukti nyata hasil usaha tersebut. Pembinaan sepanjang **17.5 kilometer** ini bukan sekadar menghubungkan beberapa kawasan, tetapi mengubah kehidupan malah memendekkan perjalanan dari **60 kilometer kepada hanya 17 kilometer**, dan menjimatkan masa hampir **45 minit** setiap hari.

7. Dengan siapnya projek ini, kampung-kampung seperti **Mela, Gemunchur, Batu Balak dan Labu** kini lebih mudah diakses. Aktiviti ekonomi seperti pelancongan, pertanian dan keusahawanan desa akan berkembang, membuka ruang rezeki baharu dan menarik anak muda untuk terus membina masa depan di kampung halaman mereka.

8. Saya juga melihat laluan ini sebagai **koridor pelancongan utama negeri Pahang**, yang menghubungkan Taman Negara Kuala Tahan di Jerantut hingga ke Tanah Tinggi Cameron Highlands melalui Kuala Lipis dan seterusnya ke Genting Highlands. Laluan ini bakal menjadi laluan strategik yang memperkenalkan keindahan alam dan budaya Pahang kepada dunia.

9. Meneruskan semangat Kerajaan MADANI, jalan ini akan diserahkan kepada **Kerajaan Negeri Pahang sebagai jajaran jalan negeri, bermula dari persimpangan Jalan Kg. Selimbang – Kg. Lubuk Payung (C163) dan bersambung dengan Jalan Persekutuan FT234** – semua ini adalah tanda kepercayaan dan kesinambungan tanggungjawab antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri demi manfaat rakyat secara keseluruhannya.

Kejayaan Pelaksanaan Projek Infrastruktur Desa

Hadirin sekalian,

10. Saya berpuas hati melihat projek ini bukan sahaja siap dengan jayanya, **malah berjaya menjimatkan RM4 juta daripada peruntukan asal. Kos sebenar hanya RM157 juta berbanding RM161 juta yang diluluskan.** Penjimatan ini menunjukkan kecekapan semua pihak dalam memantau, menyelia dan melaksanakan projek dengan penuh integriti serta tanggungjawab terhadap amanah rakyat.

11. Saya maklum bahawa pembinaan jalan dan jambatan ini bukan tugas yang mudah. Prosesnya menuntut ketekunan — daripada kerja pembersihan kawasan, pengorekan, penambakan tanah, pembinaan tembok penahan,

pemasangan pembentung, **sehinggalah pembinaan jambatan sepanjang 200 meter yang merentasi Sungai Tembeling.** Alhamdulilah setiap peluh dan usaha ini akhirnya membuahkan hasil yang membanggakan.

12. Apa yang lebih penting, projek ini disiapkan mengikut standard dan kualiti yang ditetapkan. Inilah kehendak rakyat — **mereka mahu melihat pembangunan yang bukan sahaja siap, tetapi siap dengan baik, telus dan berintegriti.**

13. Saya berbangga kerana projek ini bukan sahaja menepati jadual, malah mencapai semua **KPI JKR**, **termasuk penggunaan tenaga hijau, sifar kecederaan, serta penyerahan projek dalam tempoh tiga bulan selepas CPC**. Ini adalah tanda kecekapan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak terlibat.

14. Seperti yang selalu saya tekankan — dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita tidak sekadar mengejar KPI kerajaan, tetapi juga **KPI rakyat**. Kerana akhirnya, inilah ukuran sebenar kepercayaan mereka terhadap kita.

15. Kejayaan ini adalah hasil komitmen semua pihak — daripada pegawai pengurusan hingga ke pasukan pelaksana, pihak berkuasa tempatan, syarikat utiliti, dan

kontraktor utama. Tanpa penglibatan dan semangat kerja berpasukan ini, projek jalan luar bandar ini tidak akan dapat direalisasikan seindah yang kita saksikan hari ini.

KOMITMEN KERAJAAN YANG TIDAK PERNAH PUTUS

Hadirin sekalian,

16. Walaupun kerajaan berdepan pelbagai cabaran — dari tekanan ekonomi global hingga ke tuntutan pembangunan dalam negeri — namun **kesejahteraan rakyat tetap menjadi keutamaan**. Inilah semangat Kerajaan MADANI; semangat yang tidak goyah walau diasak cabaran, kerana pada akhirnya, **yang ingin kita lindungi ialah kesejahteraan hidup rakyat seluruh pelosok negara.**

17. Di **KKDW**, inilah mandat yang diamanahkan — **meningkatkan kesejahteraan rakyat desa**, memperkukuh infrastruktur, dan membuka ruang ekonomi agar setiap keluarga di kampung mampu menikmati kehidupan yang lebih baik, sejahtera, dan bermaruah.

18. Saya bersyukur kerana di bawah pimpinan **YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim**, melalui **Belanjawan 2026**, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM12.4 bilion** kepada KKDW — peningkatan sebanyak **RM440**

juta atau 3.69 peratus berbanding tahun ini, di mana untuk tahun ini KKDW diperuntukkan sebanyak RM11.96 bilion, meningkat sebanyak RM405.27 juta atau 3.51 peratus berbanding tahun 2024. Inilah tanda kepercayaan bahawa pembangunan luar bandar adalah teras kepada kekuatan negara.

19. Daripada jumlah perutukan tahun hadapan, **RM7.78 bilion** disalurkan khusus bagi **melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, bekalan elektrik, air, telekomunikasi dan kemudahan sosial** — yang manfaatnya akan dirasai oleh **8.1 juta penduduk desa di seluruh negara**.

20. Percayalah, pembangunan infrastruktur ini bukan semata-mata membina jalan dan jambatan, tetapi membina masa depan. **Dengan jalan yang baik, rakyat dapat keluar bekerja, berniaga, mengakses peluang ekonomi, malah pulang menziarahi keluarga dengan lebih mudah**. Melalui jalan yang baik, kita menyatukan komuniti, menghubungkan peluang, dan membuka lembaran baru untuk kehidupan yang lebih bermakna.

21. Pada masa yang sama, kerajaan terus komited mewujudkan **peluang ekonomi yang mampan di kawasan desa**. Kita mahu anak muda tidak lagi perlu

berhijrah jauh ke bandar mencari rezeki, tetapi mampu membina masa depan di tanah tumpah darah mereka sendiri — di kampung yang kini sedang berubah menjadi desa yang berdaya saing, moden dan berpotensi tinggi.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

22. Kejayaan projek ini adalah hasil kerjasama semua pihak yang telah bekerja dengan penuh tanggungjawab dan komitmen. Saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat yang menjayakan pelaksanaan projek ini dengan cemerlang.

23. Saya berharap projek ini menjadi pemangkin kepada **kemudahan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat** di kawasan ini. Setiap jalan yang dibina bukan sekadar menghubungkan tempat, tetapi membuka ruang kepada kemajuan dan masa depan yang lebih baik.

24. Setiap batu yang disusun hari ini adalah langkah menuju harapan esok kerana kemajuan sebenar bermula apabila rakyatnya disantuni dan kehidupannya dipermudahkan.

25. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Jalan dan**

Jambatan dari Kg. Labu melalui Kg. Batu Balak, Jerantut ke Kg. Gemunchur dan Kg. Mela, Kuala Lipis, Pahang.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.